



NOTIS KEPADA JURURUNDING EIA BIL. 5/2020

KEPERLUAN PENDAFTARAN JURURUNDING SUBJEK (*SUBJECT SPECIALIST, SS*) BAGI PENYEDIAAN BIDANG RUJUKAN (*TERMS OF REFERENCE-TOR*) DAN LAPORAN PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKELILING (*ENVIRONMENTAL IMPACT ASSESSMENT, EIA*) DI BAWAH SEKSYEN 34A (2), AKTA KUALITI ALAM SEKELILING, 1974

Tuan/Puan,

Sebagaimana sedia maklum, penyediaan Bidang Rujukan (*Terms of Reference-TOR*) (*Prosedur Jadual Kedua*) dan Laporan EIA hendaklah dilaksanakan oleh Jururunding EIA yang berdaftar dengan Jabatan Alam Sekitar (*JAS*) dan tempoh pendaftaran masih sah. Ini terpakai kepada semua pasukan Jururunding EIA yang terlibat dalam kajian sama ada sebagai *Consultant (C)*, *Subject Consultant (CS)* atau *Subject Specialist (SS)* yang juga sebagai “Orang Yang Layak” dibawah Seksyen 34A(2), Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.

Oleh itu, pihak tuan/puan selaku Ketua Jururunding hendaklah sentiasa memastikan semua ahli pasukan kajian **MESTI** berdaftar dengan *JAS walaupun* ahli tersebut telah berdaftar dengan badan/organisasi lain seperti Lembaga Ahli Geologi Malaysia (*BoG*), *Malaysian Association of Social Impact Assessment (MSIA)*, Lembaga Perancang Bandar Malaysia dan sebagainya. Perkara ini merujuk kepada lantikan *SS* dalam pelaksanaan kajian EIA di peringkat *TOR* dan penyediaan Laporan EIA tersebut.

Sebarang pengemukaan *TOR* dan Laporan EIA yang disediakan oleh ahli pasukan kajian yang tidak berdaftar dengan *JAS* adalah merupakan satu kesalahan dibawah Seksyen 34A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Jabatan ini juga tidak akan memproses mana-mana dokumen *TOR* atau Laporan EIA yang disediakan oleh jururunding EIA yang tidak berdaftar.

Sekian.

**JABATAN ALAM SEKITAR
KEMENTERIAN ALAM SEKITAR DAN AIR
12 DISEMBER 2020**

Maklumat lanjut, hubungi:

Urusetia Skim Pendaftaran Jururunding EIA
Jabatan Alam Sekitar
Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA)
Aras 3, Podium 3, Wisma Sumber Asli
No 25, Persiaran Perdana
Presint 4
62574 W.P. PUTRAJAYA
Emel: skeia@doe.gov.my



NOTICE TO EIA CONSULTANT NO. 5/2020

REQUIREMENT FOR REGISTRATION OF SUBJECT SPECIALIST, SS FOR TERMS OF REFERENCE (TOR) AND ENVIRONMENTAL IMPACT ASSESSMENT (EIA) REPORT PREPARATION UNDER SECTION 34A (2), ENVIRONMENTAL QUALITY ACT, 1974

Sir/Madam,

Please be advised, Terms of Reference (TOR) (2nd Schedule Procedure) and EIA Report must be prepared by a registered EIA Consultant with Department of Environment (DOE). This is a mandatory requirement which applies to all EIA Consultant team members involved, namely Consultant (C), Subject Consultant (CS) or Subject Specialist (SS) also known as Qualified Person under Section 34A (2), Environmental Quality Act, 1974.

Therefore, the Consultant Team Leader must ensure that all team members have a valid registration with DOE even though he/she has had registered with other agencies ie. Malaysian Geologist Board (BoG), Malaysian Association of Social Impact Assessment (MSIA), Town Planning Board etc.

Any TOR or EIA Report submission prepared by unregistered study team members is an **offence** under Section 34A, Environmental Quality Act, 1974. DOE will not process the TOR or EIA Report that prepared by unregistered consultant.

Thank you.

**DEPARTMENT OF ENVIRONMENT
MINISTRY OF ENVIRONMENT AND WATER
12 DECEMBER 2020**

For further information contact:

Secretariat EIA Consultant Registration Scheme

Department of Environment

Ministry of Environment and Water (KASA)

Level 2, Podium 3, Wisma Sumber Asli

No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4

62574 W.P. PUTRAJAYA

Emel: skeia@doe.gov.my